

PEMILIHAN TOPIK PENGURUSAN BERDASARKAN HADIS NABAWI: TINJAUAN BUKU-BUKU PENGURUSAN ISLAM DARI TAHUN 1990 SEHINGGA TAHUN 2017

(SELECTION OF MANAGEMENT TOPIC BASED ON HADITH: AN OVERVIEW OF
ISLAMIC MANAGEMENT BOOKS FROM YEAR 1990-2017)

Mohd Murshidi bin Mohd Noor¹
Ahmad Khilmy Abd Rahim²
Mohd Shahril Ahmad Razimi³

Abstrak

Hadis Nabawi merupakan sumber kedua dalam perundangan Islam yang menyentuh banyak perkara berkaitan dengan ilmu pengetahuan. Perkembangan ilmu pengetahuan yang berlaku kini yang membicarakan banyak topik dalam ilmu tidak diusahakan untuk dikumpulkan dalam satu karya hadis sebagaimana yang telah dilakukan oleh imam-imam hadis yang terdahulu. Topik yang diberikan tumpuan dalam artikel ini adalah berkaitan dengan ilmu pengurusan yang dikaitkan dengan Islam. Artikel ini adalah berbentuk kajian tinjauan mengenai hadis-hadis yang digunakan dalam perbincangan oleh sarjana Islam mengenai pengurusan. Hadis-hadis yang dikumpulkan itu dianalisis berdasarkan kepada topik yang dipilih oleh para sarjana untuk dikaitkan dengan Pengurusan Islam. Hasil kajian mendapati hadis-hadis yang dipilih oleh para sarjana belum disentuh oleh ulama hadis terdahulu untuk dimasukkan dalam topik baru sesuai dengan perkembangan ilmu yang berlaku pada zaman kini. Usaha sarjana kini adalah kesinambungan usaha ulama hadis terdahulu bagi mengaitkan hadis Nabawi dengan topik-topik yang dibincangkan dalam sesuatu ilmu pengetahuan.

Keywords: Pengurusan Islam, Hadis, Imam Hadis

¹ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Tel: +60123650824 E-mail: murshidi@uum.edu.my

² Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Tel: +60194159821 E-mail: khilmy@uum.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Tel: +60192594168 E-mail: shahril@uum.edu.my

Abstract

Hadith is the second source in Islamic jurisprudence that touches many matters regarding to knowledge. The current development of knowledge which deals with many topics is not sought to be collected in a hadith work as did the previous scholars of hadith. The topic highlighted in this article is related to the Islamic aspect of management. This article is a survey of the hadiths used in discussions by Islamic scholars on management. The collected Hadiths are analyzed based on topics chosen by scholars that relate to Islamic Management. The study found that the hadiths chosen by the scholars have not been discussed by previous hadith scholars to be included as a new topic according to the current development of knowledge. The effort of contemporary scholars today is considered as the continuation of the previous hadith's tradition of linking the hadiths current discussion of knowledge.

Keywords : Islamic management, Hadith, Scholars of Hadith

2017 JHLCB

Pengenalan

Artikel ini dilakukan adalah bagi melihat kaitan antara perbincangan ulama hadis terdahulu dan sarjana terkemudian dalam membicarakan mengenai hadis-hadis pengurusan Islam. Ianya bagi melihat kesinambungan perkembangan ilmu pengurusan yang telah diamalkan pada zaman Nabi Muhammad SAW, seterusnya teori berkaitan dengan pengurusan Islam dikembangkan oleh sarjana Islam terkemudian. Apa yang dibincangkan itu tidak lari daripada prinsip-prinsip yang pernah dinyatakan oleh baginda Nabi Muhammad SAW yang menerusinya dapat dibezakan antara pengurusan konvensional yang tidak berpandukan kepada wahyu Ilahi dengan pengurusan Islam yang berpandukan kepada wahyu Ilahi.

Hadis Dan Topik Ilmu

Hadis Nabi Muhammad SAW membicarakan mengenai banyak ilmu pengetahuan. Terdapat ulama hadis yang terdahulu mengumpulkan hadis-hadis berdasarkan kepada topik-topik ilmu seperti berkaitan dengan akidah, fiqah, akhlak, kelembutan hati, pemerintahan, peperangan, perubatan dan sebagainya. Walaupun demikian, usaha untuk mengumpulkan hadis dalam topik berdasarkan kepada perkembangan ilmu pengetahuan kini seperti ilmu pengurusan dan sebagainya, tidak diteruskan oleh orang terkemudian. Meskipun terdapat hadis yang digunakan ketika para sarjana Pengurusan Islam membincangkan mengenai sesuatu perkara berkaitan dengan pengurusan, namun ianya tidak dikumpulkan dalam sebuah karya hadis sebagaimana yang pernah dilakukan oleh ulama hadis terdahulu seperti Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Dawud, Imam Tirmidhi, Imam al-Nasa'i, Imam Ibn Majah, Imam al-Bayhaqi, Imam al-Baghawi dan seumpama mereka yang dilakukan secara berturut-turut berdasarkan kepada perkembangan ilmu pada zaman mereka berada. Sepatutnya, usaha mengumpulkan hadis-hadis berdasarkan topik bidang pengajian Islam yang meraikan perkembangan ilmu terkini perlu diteruskan kerana ianya memudahkan sesiapa sahaja bagi mendapat hadis-hadis yang diperlukan dalam sesuatu topik di samping dapat mendekatkan lagi orang ramai terhadap hadis Nabawi dalam segala ruang kehidupan mereka.

Ilmu Pengurusan Islam

Ilmu ialah pengetahuan mengenai sesuatu perkara. Pengurusan ialah berkaitan dengan tatacara kerja yang bersistematik bagi mencapai sesuatu matlamat. Apabila ianya dikaitkan dengan Islam, maka matlamat yang ingin dicapai oleh sesebuah organisasi berdasarkan kerja yang bersistematik mestilah tidak bertentangan dengan syariat Allah SWT. Oleh itu secara mudahnya, ilmu Pengurusan Islam ialah perbincangan berkaitan dengan tatacara kerja bagi mencapai sesuatu matlamat serta tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Pengamalan berkaitan dengan pengurusan telah berlaku sejak zaman Nabi Adam AS lagi. Hal ini tampak lebih jelas pada zaman Nabi Muhammad SAW kerana ianya mengandungi sejarah yang disalin dari satu zaman ke satu zaman. Sekiranya diperhatikan karya sirah Nabawiyah yang dihimpunkan di dalamnya cerita berkaitan dengan kehidupan Nabi SAW, maka ia jelas ketara berkaitan pengamalan Nabi SAW berkaitan dengan pengurusan seperti kepimpinan menerusi teladan, perancangan, struktur organisasi, pembahagian tugas, pembentukan sebuah Negara, pencapaian matlamat dan sebagainya. Oleh yang demikian, ilmu berkaitan Pengurusan Islam, perlu digali dan dihimpunkan menerusi hadis-hadis Nabawi agar ianya sentiasa diperhatikan dan diamalkan oleh umat Islam yang bertepatan dengan Sunnah Nabi Muhammad SAW.

Kekerapan Hadis Yang Digunakan Dalam Topik Pengurusan

Berdasarkan kepada buku-buku berkaitan dengan Pengurusan Islam yang dihasilkan pada tahun 1990 sehingga 2015 yang ada pada penulis, sebanyak 87 teks hadis dapat dikumpulkan menerusi karya-karya tersebut daripada pelbagai topik yang dibincangkan. Di dalam artikel ini, sebanyak 10 tema hadis yang seringkali digunakan menerusi karya-karya yang terkumpul. Ianya mengandungi hadis-hadis yang kerap digunakan dalam perbincangan mengenai Pengurusan Islam. Paling kerap hadis digunakan adalah sebanyak 19 kali dari kepelbagaian karya dan yang sedikit adalah sebanyak empat kali. Di bawah ini dinyatakan jadual mengenai kekerapan 10 tema hadis yang digunakan beserta dengan tahun terbitan:

Jadual: Kekerapan Hadis Yang Digunakan Dalam Topik Pengurusan Islam dari Tahun 1990-2015

Bil	Hadis	Sumber	Darjat Hadis	Kekerapan & Kata Kunci	Topik Dalam Pengurusan Islam	Tahun
1	كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ، فَالْإِمَامُ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِيهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ رَوْحِهَا وَهِيَ مَسْئُولَةٌ، وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ، أَلَا فِكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ	Sahih al-Bukhari	Sahih	19 (Kepimpinan)	- Tugas Kepemimpinan - Tunaikan Tanggungjawab - Fungsi Pengurus Dari Kaca Mata Islam - Pemecatan dan Perlantikan - Kepimpinan Di dalam Islam - Fungsi-fungsi Pengurusan - Sifat-sifat Pengurusan Menurut al-Quran - Hubungan Antara Anggota Dalam	1990 1991 1991 1994 1997 2002 2002 2006

					Organisasi Menurut Perspektif Islam - Konsep Kepimpinan Menurut Islam - Cabaran Membentuk Pemimpin dan Kepimpinan - Pemakaian Kod Kelakuan dan Tata tertib 1993 Di Malaysia	2006 2015 2015
2	<p>– إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ</p> <p>– إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ، وَإِذَا دَبَّحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَ، وَلِيُحَدِّثْ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ، فَلْيُرِخْ دَبِيحَتَهُ</p>	<p>- Musnad Abu Ya'la al-Musili dan Shu'b al-Iman Li al-Bayhaqi</p> <p>- Sahih Muslim</p>	<p>- Daif</p> <p>- Sahih</p>	11 (Kecekapan)	<p>- Nilai dan Konsep Itqan - Akauntabiliti Peribadi dan Hubungannya dengan Allah - Ciri-ciri Pengurusan Organisasi Islam - Adab Melaksanakan Tugas - Membina Budaya Kerja - Penghayatan Disiplin - Pekerjaan Sebagai Satu Ibadah - Bekerja Dengan Tekun dan Cepak - Pemakaian Kod Kelakuan dan Tata tertib 1993 di Malaysia - Pengurusan Sumber Manusia Menurut Perspektif Islam - Hubungan Manusia (Anggota Organisasi) Dengan Alam</p>	1991 1994 1996 1996 1996 1996 1997 1999 2015 2006 2006
3	<p>– مَنْ اسْتَعْمَلَنَا مِنْكُمْ عَلَى عَمَلٍ، فَكُنْتُمْ مَحْبُوبًا، فَمَا فَوْقَهُ كَانَ غُلُوبًا يَا بَنِي بَنِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ</p> <p>– وَمَنْ تَوَلَّى مِنْ أَمْرَاءِ الْمُسْلِمِينَ شَيْئًا فَاسْتَعْمَلَ عَلَيْهِمْ رَجُلًا وَهُوَ يَعْلَمُ أَنَّ فِيهِمْ مَنْ هُوَ أَوْلَى بِدَلِكِ وَأَعْلَمُ مِنْهُ بِكِتَابِ اللَّهِ وَسُنَّةِ رَسُولِهِ، فَقَدْ خَانَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَجَمِيعَ الْمُؤْمِنِينَ</p>	<p>Sahih Muslim</p> <p>Al-Mu'jam al-Kabir Li al-Tabrani</p>	<p>Sahih</p> <p>Daif</p>	10 (Kepakaran)	<p>- Falsafah Pengurusan dan Pentadbiran Islam - Ciri-ciri Pengurusan Kakitangan (Persepaduan Antara Kepakaran dan Akhlak) - Manusia, Pengurusan dan Akauntabiliti (Dasar Pemilihan) - Ciri-ciri Pengurusan Organisasi - Ciri-ciri Kepimpinan Islam (Hak atau Pilihan Umat atau Rakyat)</p>	1991 1991 1996 1996 2002
4	<p>«فَإِذَا طُبِعَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ»، قَالَ: كَيْفَ إِضَاعَتُهَا؟ قَالَ: «إِذَا وَسَدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ»</p>	Sahih al-Bukhari	Sahih	9 (Amanah)	<p>- Peningkatan Profesionalisme (Tugas adalah Amanah dan Tanggungjawab) - Bidang Pengurusan Kakitangan (Pengambilan Pekerja Baru dan Pemilihan)</p>	1991 1991 1991

					<ul style="list-style-type: none"> - Bidang Pengurusan Kakitangan (Adil, Layak dan Ihsan) - Peranan Pegawai Kerajaan Dalam Meningkatkan Prestasi Kerja (Peningkatan Profesionalisme) - Ciri-ciri Pengurusan Organisasi Islam - Etika Kerja Islam (Bekerja Dengan Tekun dan Cekap) - Pengurusan Sumber Manusia Menurut Perspektif Islam (Amanah) - Model Tanggungjawab Sosial Korporat Islam (Pekerja) - Ciri-ciri Organisasi Islam (Pembahagian Tugas Mengikut Kepakaran) 	<p>1996</p> <p>1996</p> <p>1997</p> <p>2006</p> <p>2006</p> <p>2006</p>
5	<p>- إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ</p> <p>- كَانَ خُلُقُهُ الْقُرْآنَ</p> <p>- أَحْسِنَ خُلُقَكَ</p> <p>- إِنَّ مِنْ خَيْرِكُمْ أَحْسَنِكُمْ أَخْلَاقًا</p> <p>- أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنَهُمْ خُلُقًا</p>	<p>Al-Sunan al-Kubra Li al-Bayhaqi</p> <p>Musnad Ahmad</p> <p>Muwatta' Malik</p> <p>Sahih Muslim</p> <p>Sunan al-Tirmidhi</p>	<p>Sahih</p> <p>Sahih</p> <p>Hasan</p> <p>Sahih</p> <p>Sahih</p>	<p>8</p> <p>(Akhlak)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Etika Pengurusan Islam - Paradigma Islam Dalam Strategi Pengurusan (Model 5-1) - Pengurusan Organisasi (Aspek Sumber Daya Manusia) - Nilai Etika Islam - Beberapa Kualiti Kepimpinan (Akhlak) - Personaliti Insan Perspektif Pengurusan Konvensional dan Islam - Pengurusan Sumber Manusia Menurut Perspektif Islam (Etika Pelaksanaan PSM) 	<p>1999</p> <p>2000</p> <p>2002</p> <p>2006</p> <p>2006</p> <p>2006</p> <p>2006</p>
6	<p>وَمَنْ عَشَّنَا فَلَيْسَ مِنَّا</p>	<p>Sahih Muslim</p>	<p>Sahih</p>	<p>6</p> <p>(Penipuan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Bidang Pengurusan Kakitangan (Tidak Ada Penipuan) - Bidang Pengurusan Kakitangan (Mutu Kerja) - Kualiti Menurut Pandangan Islam - Model Tanggungjawab Sosial Korporat Islam (Pemegang Saham) - Pelaksanaan Hisbah di Zaman Rasulullah SAW 	<p>1991</p> <p>1991</p> <p>2000</p> <p>2006</p> <p>2008</p>
7	<p>مَنْ رَأَى مِنْ أَمِيرِهِ شَيْئًا يَكْرَهُهُ فَلْيَصِرْ عَلَيْهِ فَإِنَّهُ مِنْ فَارِقِ الْجَمَاعَةِ شِبْرًا فَمَاتَ، إِلَّا مَاتَ مَيِّتَةً جَاهِلِيَّةً</p>	<p>Sahih al-Bukhari</p>	<p>Sahih</p>	<p>4</p> <p>(Ketaatan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Hak Untuk Dipatuhi - Bidang Pengurusan Kakitangan (Adil, Layak dan Ihsan) 	<p>1990</p> <p>1991</p>

8	<p>- أَحَبَّ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَذْنَاهُمْ مِنْهُ مَجْلِسًا إِمَامًا عَادِلًا</p> <p>- إِنَّ الْمُسْلِمِينَ عِنْدَ اللَّهِ عَلَى مَنَابِرٍ مِنْ نُورٍ، عَنْ يَمِينِ الرَّحْمَنِ عَزَّ وَجَلَّ، وَكَلَّمْنَا يَدَيْهِمْ يَمِينًا، الَّذِينَ يَغْدِلُونَ فِي حُكْمِهِمْ وَأَهْلِيهِمْ وَمَا وُلُوا - سَبْعَةٌ يُظَلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الْإِمَامُ الْعَادِلُ...</p> <p>- مَا مِنْ أَمِيرٍ عَشْرَةَ إِلَّا يُؤْتَى بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعْلُولًا، لَا يَفُكُّهُ إِلَّا الْعَدْلُ، أَوْ يُؤَيِّقُهُ الْجَوُّزُ</p>	<p>Sunan al-Tirmidhi</p> <p>Sahih Muslim</p> <p>Bukhari dan Muslim</p> <p>Musnad Ahmad</p>	<p>Hasan</p> <p>Sahih</p> <p>Sahih</p> <p>Sahih</p>	<p>4</p> <p>(Keadilan)</p>	<p>- Peranan Pegawai Kerajaan Dalam Meningkatkan Dakwah Islamiah</p> <p>- Fungsi Pengurus Dari Kaca Mata Islam</p> <p>- Pelaksanaan Pengurusan Menurut al-Quran</p>	<p>1991</p> <p>1991</p> <p>2002</p>
9	<p>أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ</p>	<p>Sahih Muslim</p>	<p>Sahih</p>	<p>4</p> <p>(Ihsan)</p>	<p>- Bidang Pengurusan Kakitangan (Adil, Layak dan Ihsan)</p> <p>- Pentadbiran Berasaskan Syura</p> <p>- Strategi Pengurusan Sumber Manusia (Budaya Dakwah Islamiah)</p> <p>- Pengurusan Sumber Manusia Menurut Perspektif Islam (Ihsan)</p>	<p>1991</p> <p>1996</p> <p>2000</p> <p>2006</p>
10	<p>عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، إِلَّا أَنْ يُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِنْ أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ</p>	<p>Sahih Muslim</p>	<p>Sahih</p>	<p>4</p> <p>(Sempadan Ketaatan)</p>	<p>- Bidang Pengurusan Kakitangan (Taat Kepada Ketua</p> <p>- Hak-hak Kepimpinan (Taat Setia)</p> <p>- Kepimpinan dan Pengurusan Zaman Nabi Muhammad SAW (Disiplin dan Pengorbanan)</p> <p>- Konsep Kepimpinan Islam (Cabaran Melaksanakan Hak Pemimpin dan Pengikut)</p>	<p>1991</p> <p>1997</p> <p>2015</p> <p>2015</p>

Berdasarkan kepada kekerapan hadis mengenai Pengurusan Islam yang dikumpulkan menerusi karya-karya yang dihasilkan pada tahun 1990 sehingga tahun 2015, maka sepuluh (10) kata kunci mengenai konsep pengurusan Islam berdasarkan hadis dapat diambil daripadanya iaitu kepimpinan, kecekapan, kepakaran, amanah, akhlak, penipuan, ketaatan, keadilan, ihsan dan sempadan ketaatan. Menerusi sepuluh kata kunci ini, maka ianya

dipecahkan kepada beberapa topik oleh para sarjana pengurusan Islam terkemudian berdasarkan kesesuaian antara makna hadis dengan kehendak ilmu pengurusan Islam yang dibincangkan.

Selain itu, sekiranya diperhatikan kepada darjat hadis yang digunakan dalam perbincangan mengenai pengurusan Islam, didapati kebanyakan hadis yang digunakan adalah dalam kategori sahih dan hasan. Berdasarkan kepada jadual yang dipaparkan di atas, hanya dua teks hadis sahaja yang didapati daif berbanding 17 teks hadis lagi yang dalam kategori sahih dan hasan. Ini bermakna, sumber hadis yang digunakan bagi membincangkan mengenai pengurusan Islam dalam buku-buku yang dihasilkan adalah kuat serta kukuh.

Topik Pengurusan Kini Yang Turut Disentuh Oleh Ulama Terdahulu

Dalam perbincangan seterusnya, daripada 10 tema atau kata kunci mengenai pengurusan yang dikumpulkan menerusi karya-karya Pengurusan Islam yang dihasilkan dari tahun 1990 sehingga 2015, maka ianya akan dianalisis bagi mendapatkan kesinambungan penggunaan hadis-hadis oleh ulama terdahulu dan sarjana-sarjana Pengurusan Islam terkemudian. Ianya bagi melihat perbezaan penggunaan hadis-hadis Nabawi serta topik-topik yang dibentuk oleh ulama terdahulu dengan sarjana-sarjana Pengurusan Islam terkemudian dalam perbincangan mereka. Hadis-hadis yang dianalisis adalah berdasarkan kepada jadual di atas mengikut turutan daripada tema pertama iaitu kepimpinan sehinggalah tema kesepuluh iaitu sempadan ketaatan.

Bagi tema hadis yang pertama iaitu kepimpinan, salah satu hadis yang digunakan ialah: “*Kamu sekalian adalah pemimpin dan kamu akan ditanyakan kepimpinanmu terhadap rakyat*”. Di dalam Sahih al-Bukhari⁴, hadis ini dimasukkan di bawah topik besar iaitu *al-Ahkam* yang bermaksud pemerintahan. Demikian juga Imam al-Nawawi yang menyusun topik untuk karya Sahih Muslim turut memasukkan hadis ini di bawah topik besar pemerintahan iaitu *Kitab al-Imarah*⁵. Berdasarkan kepada karya-karya Pengurusan Islam yang dihasilkan pada tahun 1990 sehingga 2015 juga turut memuatkan tajuk yang tidak lari daripada topik pemerintahan seperti Kepimpinan Di Dalam Islam, Tugas Kepimpinan, Fungsi Pengurus dan sebagainya. Oleh yang demikian, kepimpinan di dalam Islam adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh umat Islam di mana sahaja mereka berada khususnya mereka yang terlibat dengan pengurusan dan pentadbiran pada masa kini kerana topik ini seringkali disentuh berdasarkan hadis Nabawi.

⁴ Muhammad Bin Isma‘il Abu ‘Abd Allah al-Bukhari al-Ju‘fi (1422H), *al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min Umur Rasulillah Salla Allah ‘Alayh Wa Sallam Wa Sunanihi Wa Ayyamihi, Kitab al-Ahkam, Bab Qawlillah Ta‘ala*, no. hadis 7138, j. 9. (T.T.P): Dar Tuwaq al-Najah, h. 62.

⁵ Muslim bin al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Bi Naql al-‘Adl Ila Rasulillah Salla Allah ‘Alayh Wa Sallam, Kitab al-Imarah, Bab Fadilah al-Imam al-‘Adil*, no. hadis 1829, j. 3. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, h. 1459.

Bagi tema hadis yang kedua iaitu kecekapan, salah satu hadis yang digunakan ialah: “Allah sangat menyukai sesuatu pekerjaan yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh”. Ulama terdahulu memasukkan hadis ini ke dalam topik *Itqan al-‘Amal*⁶ iaitu ketekunan dalam bekerja. Merujuk kepada karya-karya Pengurusan Islam yang dihasilkan sejak tahun 1990 sehingga 2015, topik yang dikemukakan juga tidak jauh beza antaranya ialah Nilai dan Konsep Itqan, Bekerja dengan Tekun dan Cepak dan sebagainya. Oleh yang demikian, penekanan dari sudut kualiti kerja bagi memenuhi visi, misi serta objektif organisasi tidak wajar diabaikan sama sekali oleh pekerja muslim kini kerana hal ini disentuh oleh hadis Nabawi serta dibincangkan oleh para ulama sama ada terdahulu atau terkemudian.

Tema hadis yang ketiga iaitu kepakaran, antara hadis yang digunakan ialah: “Sesiapa melantik atau memilih seseorang untuk memegang sesuatu jawatan, sedangkan ada orang lain yang baik dan layak daripada orang yang dilantik itu, maka ia telah mengkhianati Allah dan RasulNya”. Sarjana Pengurusan Islam kini membincangkan hadis ini tentang kepakaran seseorang dalam sesebuah organisasi. Dalam karya ulama terdahulu, hadis ini diletakkan dalam topik pemerintahan secara umum iaitu berkaitan dengan kepimpinan. Penamaan terhadap topik ialah *Fi Dhikr al-Wulah Wa al-Umara* iaitu *Penyebutan Mengenai Pemerintah*.⁷ Perbezaannya ialah dari sudut tumpuan perbincangan yang mana ulama terdahulu lebih menumpu kepada kelayakan pemerintah tertinggi iaitu sebuah Negara yang besar berbanding sarjana kini yang lebih fokus kepada individu yang berada di dalam sesebuah organisasi. Oleh yang demikian, Islam begitu memandang berat mengenai kesesuaian individu yang berada di dalam sesebuah organisasi dari sudut kelayakannya dalam memegang sesuatu jawatan. Justeru, sistem yang diamalkan kini iaitu mengadakan sesi temuduga sebelum seseorang diambil bekerja, serta tempoh percubaan bagi mereka yang telah diambil bekerja secara tetap sebelum disahkan jawatannya adalah sesuatu perkara yang menepati kehendak Islam yang menekankan mengenai kemampuan dan kelayakan individu yang berada dalam sesebuah organisasi dalam menjalankan sesuatu tugas.

Tema hadis keempat iaitu mengenai amanah, antara hadis yang digunakan ialah: “Rasulullah SAW bersabda: Kalau amanah tidak lagi dipegang teguh, maka tunggulah saat kehancuran. Dia bertanya: Bagaimana dikatakan amanah tidak dipegang teguh itu, ya Rasulullah? Beliau menjawab: Apabila sesuatu urusan telah diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah saat kehancuran”. Berdasarkan hadis ini, bekerja dengan amanah serta jawatan yang diberikan kepada seseorang individu perlulah bersesuaian dengan kemampuannya dalam sesebuah organisasi, merupakan satu perkara yang ditekankan dalam Islam. Imam al-Bukhari di dalam karya sahihnya, memasukkan hadis ini dalam bab *Raf‘ al-Amanah* iaitu ‘hilangnya amanah’.⁸ Sheikh ‘Uthman al-Dani mengaitkan kehilangan amanah pada seseorang dengan tanda hampirnya kiamat dengan beliau memuatkan dalam topik *Ma Ja’a Fi al-Sa’ah Wa Ashratuha Wa Dala’il Iqtirabiha* (Bab Tanda Kiamat dan Dalil Hampir

⁶ Abu al-Hasan Nur al-Din ‘Ali bin Abi Bakr bin Sulayman al-Haythami (t.t.), *al-Maqсад al-‘Ali Fi Zawa’id Abi Ya’la al-Musili, Kitab al-Ijarah, Bab Itqan al-‘Amal*, no. hadis 692. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 304.

⁷ Yahya bin al-Husayn bin Isma‘il bin Zayd al-Hasani al-Shajari al-Jurjani (2001), *Tartib al-Amali al-Khamisiyyah Li al-Shajari, Fi Dhikr al-Wulah Wa al-Umara’ Wa al-Amr bi al-Ma’ruf Wa al-Nahy*, no. hadis 2586, j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 317.

⁸ Muhammad Bin Isma‘il Abu ‘Abd Allah al-Bukhari al-Ju’fi (1422H), *Op.cit., Kitab al-Riqaq, Bab Raf‘ al-Amanah*, no. hadis 6496, j. 8, h. 108

Berlakunya Kiamat).⁹ Buku Pengurusan Islam kini yang diterbitkan pada tahun 2006 turut menyentuh mengenai hal amanah dan kepakaran seseorang ketika berada dalam sesebuah organisasi. Misalnya buku *Dimensi Pengurusan Islam*, ketika mendatangkan hadis ini ianya diletakkan di bawah topik: ‘*Pengurusan Sumber Manusia Menurut Perspektif Islam (Amanah)*’¹⁰ dan ‘*Ciri-ciri Organisasi Islam (Pembahagian Tugas Mengikut Kepakaran)*’¹¹. Oleh yang demikian, dapat dilihat kesinambungan perbincangan ulama terdahulu dengan sarjana Pengurusan Islam kini mengenai amanah dan kepakaran seseorang ketika berada dalam sesebuah organisasi yang diambil sumbernya daripada hadis Nabawi.

Tema hadis kelima yang menyentuh mengenai akhlak seseorang muslim, antara hadis yang digunakan ialah: “*sesungguhnya aku telah diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*”. Hadis ini seringkali digunakan dalam ilmu Pengurusan Islam bagi membicarakan mengenai etika seseorang individu ketika bekerja. Misalnya buku yang diterbitkan pada tahun 2006 iaitu *Dimensi Pengurusan Islam*, membincangkan dengan khusus tentang topik *Nilai Etika Islam* serta dimuatkan hadis ini sebagai sandaran perbincangan¹². Ulama terdahulu iaitu Imam al-Baghawi di dalam karya *Sharh al-Sunnah* memasukkan hadis yang maknanya seumpama hadis ini iaitu: “*akhlak Rasulullah SAW adalah al-Quran*” di dalam topik *Bab Husn al-Khalq*¹³ yang bermaksud bab kecantikan akhlak. Hal ini menggambarkan bahawa Islam amat mementingkan akhlak yang mulia kerana ianya merupakan cerminan kepada kesempurnaan iman seseorang muslim. Justeru, sewajarnya umat Islam yang bekerja di mana-mana organisasi tidak terlibat dengan perbuatan salah laku yang merupakan perbuatan yang tidak selari dengan ajaran Islam.

Tema hadis keenam iaitu penipuan, antara hadis yang digunakan ialah: “*Sesiapa yang telah melakukan penipuan terhadap umatku, maka ia bukan dari kalangkanku*”. Kebanyakan ulama hadis terdahulu seperti al-Humaydi¹⁴, al-Darimi¹⁵, Abu Dawud¹⁶, al-Bayhaqi¹⁷ dan al-Baghawi¹⁸ meletakkan hadis ini di bawah topik *Penipuan Dalam Jual Beli* kerana latar belakang hadis yang membicarakan dalam situasi jual beli antara pihak-pihak yang terlibat.

⁹ ‘Uthman bin Sa’id bin ‘Uthman bin ‘Umar Abu ‘Amru al-Dani (1416H), *al-Sunan al-Waridah Fi al-Fitan Wa Ghawa’iluha Wa al-Sa’ah Wa Ashratuha, Bab Ma Ja’a Fi al-Sa’ah Wa Ashratuha Wa Dala’il Iqtirabiha*, no. hadis 381, j. 4. Al-Riyad: Dar al-‘Ismah, h. 767.

¹⁰ Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor (2006), *Dimensi Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 89.

¹¹ *Ibid.*, h. 194.

¹² *Ibid.*, h. 27.

¹³ Abu Muhammad al-Husayn bin Mas‘ud bin Muhammad bin al-Farra’ al-Baghawi al-Shafi’i (1983), *Sharh al-Sunnah, Kitab al-Birr Wa al-Silah, Bab Husn al-Khalq*, j. 13, c.2. Beirut: al-Maktab al-Islami, h. 76.

¹⁴ Abu Bakr ‘Abd Allah bin al-Zubayr bin ‘Isa bin ‘Ubaydillah al-Qurashi al-Asadi al-Humaydi al-Makki (1996), *Musnad al-Humaydi, Kitab al-Buyu’*. Dimashq: Dar al-Saqa, j. 2, h. 228.

¹⁵ Abu Muhammad ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Rahman bin al-Fadl bin Bahram bin ‘Abd al-Samad al-Darimi al-Tamimi al-Samarqandi (2000), *Musnad al-Darimi al-Ma’ruf bi Sunan al-Darimi*, j. 3. Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su’udiyah: Dar al-Mughni Li al-Nashr Wa al-Tawzi’, h. 1655.

¹⁶ Abu Dawud Sulayman bin al-Ash’ath bin Ishaq bin Bashir bin Shaddad bin ‘Amru al-Azdi al-Sajizstani (t.t.), *Sunan Abi Dawud*, j. 3. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah, h. 272.

¹⁷ Ahmad bin al-Husayn bin ‘Ali bin Musa al-Khusrajirdi al-Khurasani Abu Bakr al-Bayhaqi (1989), *al-Sunan al-Saghir li al-Bayhaqi*, j. 2. Bakistan: Jami’ah al-Dirasat al-Islamiyyah, h. 263.

¹⁸ Abu Muhammad al-Husayn bin Mas‘ud bin Muhammad bin al-Farra’ al-Baghawi al-Shafi’i (1983), *Op.cit.*, j. 8, h. 166.

Terdapat juga ulama hadis terdahulu yang meletakkan hadis ini dalam topik yang lebih umum yang tidak khusus kepada jual beli sahaja seperti Ibn Hibban¹⁹ yang memasukkan hadis ini di bawah topik larangan seseorang muslim menipu saudaranya yang muslim tanpa mengkhususkan penipuan dalam perkara-perkara tertentu. Justeru, topik secara umum yang dikemukakan ini sangat relevan sehingga hari ini yang mana sarjana Pengurusan Islam terkemudian turut menggunakan hadis ini dalam topik pengurusan yang tidak khusus kepada topik jual beli sahaja seperti dalam seminar yang diadakan pada tahun 1999 yang membicarakan hal yang bersangkutan dengan larangan penipuan bagi seseorang pekerja. Tajuk yang dikemukakan dalam seminar tersebut ialah *Bidang Pengurusan Kakitangan (Tidak Ada Penipuan)*²⁰ yang menjadikan hadis ini sebagai sumber rujukan.

Tema hadis ketujuh iaitu ketaatan, antara hadis yang digunakan ialah: “*barangsiapa yang mendapati ada sesuatu yang dibencinya pada pemimpinnya, maka hendaklah ia bersabar. Kerana barangsiapa yang keluar dari Jemaah walaupun jarak sejenkal lalu mati, maka matinya ialah mati jahiliah*”. Tema ini merupakan satu hal yang begitu serius dibincangkan di kalangan ulama terdahulu. Abu Bakr bin Abi Shaybah meletakkan hadis ini di bawah topik *al-Fitan* yang bermaksud hadis-hadis mengenai zaman fitnah²¹. Terdapat juga di kalangan ulama terdahulu yang meletakkan hadis ini di bawah topik peperangan dengan menumpukan kepada tajuk *Wajib Taat dan Berjamaah* iaitu yang dilakukan oleh al-Darimi di dalam karya Sunannya²². Namun begitu, kebanyakan ulama terdahulu memasukkan hadis ini di bawah topik Khilafah dan Pemerintahan sebagaimana yang dilakukan oleh Imam al-Bukhari²³, Imam Muslim²⁴, Imam al-Bayhaqi²⁵, al-Baghawi²⁶ dan al-Haythami²⁷. Topik inilah yang paling masyhur dibincangkan di kalangan mereka berbanding topik-topik yang lain. Kesemua mereka bersepakat untuk mengatakan bahawa wajib memberikan ketaatan kepada pemerintah selagi mana ia tidak menyuruh melakukan perkara yang melanggar syarak serta perlu bersabar sekiranya terdapat perkara yang tidak disukai dilakukan oleh pemerintah. Justeru, hadis ini banyak ditumpukan kepada konsep ketaatan kepada pemerintah. Demikian juga yang dilakukan oleh sarjana Pengurusan Islam kini, ketika mereka membincangkan mengenai ketaatan kepada pemimpin dalam sesebuah organisasi, maka hadis ini akan dijadikan sandaran mereka. Hal ini boleh diperhatikan pada artikel yang bertajuk *Peranan Kepemimpinan Dan Kepengikutan Dalam Pengurusan Produktiviti Organisasi* yang dibentangkan dalam Seminar Pengurusan Organisasi Dari Perspektif Islam pada tahun 1990

¹⁹ Muhammad bin Hibban bin Ahmad bin Hibban bin Mu‘adh bin Ma‘bad al-Tamim Abu Hatim al-Darimi al-Busti (1988), *al-Ihsan Fi Taqrib Sahih Ibn Hibban*, j. 12. Beirut: Mu‘assasah al-Risalah, h. 369.

²⁰ Mohd Mansor Salleh (1991), “Pengurusan Kakitangan dan Strateginya dalam Perspektif Islam” (dalam *Seminar Pentadbiran dan Pengurusan Islam Peringkat Kebangsaan* di Pusat Pendidikan Islam, ITM, Shah Alam, 10-12 September 1991).

²¹ Abu Bakr bin Abi Shaybah ‘Abd Allah bin Muhammad bin Ibrahim bin ‘Uthman bin Khawasti al-‘Abasi (1409H), *al-Kitab al-Musannif Fi al-Ahadith Wa al-‘Athar*, j. 7. Al-Riyad: Maktabah al-Rushd, h. 451.

²² Abu Muhammad ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Rahman bin al-Fadl bin Bahram bin ‘Abd al-Samad al-Darimi al-Tamimi al-Samarqandi (2000), *Op.cit.*, j. 3, h. 1637.

²³ Muhammad Bin Isma‘il Abu ‘Abd Allah al-Bukhari al-Ju‘fi (1422H), *Op.cit.*, j. 9, h. 62.

²⁴ Muslim bin al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *Op.cit.*, j. 3, h. 1476.

²⁵ Ahmad bin al-Husayn bin ‘Ali bin Musa al-Khusrawjirdi al-Khurasani Abu Bakr al-Bayhaqi (2003), *al-Sunan al-Kubra*, j. 8. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 270.

²⁶ Abu Muhammad al-Husayn bin Mas‘ud bin Muhammad bin al-Farra’ al-Baghawi al-Shafi‘i (1983), *Op.cit.*, j. 10, h. 47.

²⁷ Abu al-Hasan Nur al-Din ‘Ali bin Abi Bakr bin Sulayman al-Haythami (t.t.), *Op.cit.*, j. 2, h. 388.

yang mana dimuatkan satu tajuk berkaitan iaitu *Hak Untuk Dipatuhi*.²⁸ Perbezaan antara perbincangan ulama terdahulu dengan sarjana pengurusan kini adalah dari sudut fokus perbincangan yang ditumpukan kepada pemerintahan tertinggi sesebuah Negara dengan pemimpin sesuatu pentadbiran dalam sesebuah organisasi. Perbincangan mengenai ketaatan terhadap pemimpin sesebuah Negara dibincangkan oleh ulama terdahulu manakala perbincangan berkaitan dengan pemimpin sesebuah organisasi dibincangkan oleh sarjana Pengurusan Islam kini. Walaubagaimana pun, kesemua mereka bersetuju bahawa pemimpin yang dilantik bagi mengendalikan urusan orang Islam sama ada di peringkat yang lebih luas seperti sebuah Negara atau di peringkat yang lebih kecil seperti sesuatu organisasi, mempunyai hak yang diperlu dipatuhi oleh orang bawahan berdasarkan kepada dalil hadis yang dikemukakan.

Maksud hadis yang kelapan seperti: “*tidak ada seorang pun pemimpin (orang yang berkuasa) (walau pun) terhadap sepuluh orang sahaja yang pada hari qiamat tidak akan dibawa dengan tangannya tergari, dan keadilan yang telah dilaksanakan ke atas mereka akan membebaskannya dan penindasan yang telah dilakukan akan menghancurkannya*” dan seumpama hadis ini, dibicarakan oleh para ulama mengenai kelebihan pemerintah yang adil. Islam begitu mementingkan pemimpin yang adil yang memerintah berdasarkan landasan syarak. Para ulama terdahulu membicarakan mengenai topik kelebihan pemimpin yang adil dalam karya-karya mereka kerana berdasarkan hadis yang membicarakan mengenai pemimpin yang adil. Antaranya di dalam karya Sahih Muslim, dibuat satu tajuk khusus mengenai pemimpin yang adil. Tajuknya seperti berikut: *Bab Fadilah al-Imam al-‘Adil* iaitu Bab Kelebihan Pemimpin Yang Adil²⁹. Demikian juga yang dilakukan oleh Imam Tirmidhi di dalam karya Sunannya. Beliau membicarakan topik khas mengenai pemimpin yang adil dengan katanya: *Bab Ma Ja’a Fi al-Imam al-‘Adil* iaitu *Bab Pada Menyatakan Pemimpin Yang Adil*³⁰. Dalam perbincangan oleh sarjana Pengurusan Islam kini pula, mereka tidak membicarakan secara khas topik mengenai pemimpin yang adil. Mereka hanya membincangkan dalam topik yang agak kecil seperti Fungsi Pengurus Dari Kaca Mata Islam yang dilakukan oleh Dr Syed Othman Alhabshi dalam Seminar Pentadbiran dan Pengurusan Islam Peringkat Kebangsaan pada tahun 1991³¹. Walaubagaimana pun, sikap adil ini perlu ada oleh seseorang pengurus pada zaman kini kerana ia bakal mengundang rasa senang hati oleh orang bawahan yang bekerja di bawah naungannya.

Maksud hadis yang kesembilan iaitu: “*Sembahlah Allah seolah-olah kamu melihatNya, andainya kamu tidak melihatNya maka Dia melihat kamu*” dibincangkan dalam ilmu Pengurusan Islam berkaitan dengan Pengurusan Sumber Manusia. Misalnya buku terbitan 2006 yang berkaitan dengan Pengurusan Islam membicarakan satu topik bertajuk *Pengurusan Sumber Manusia Menurut Perspektif Islam (Ihsan)*³² yang membicarakan mengenai konsep

²⁸ Dr Nik Mohd Zain Yusof (1990), “Peranan Kepemimpinan Dan Kepengikutan Dalam Pengurusan Produktiviti Organisasi” (dalam *Seminar Pengurusan Organisasi Dari Perspektif Islam* di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 12-13 Mac 1990), h. 49-50.

²⁹ Muslim bin al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *Op.cit.*, j. 3, h. 1458.

³⁰ Muhammad bin ‘Isa bin Sawrah bin Musa bin al-Dahhak al-Tirmidhi Abu ‘Isa (1998), *al-Jami’ al-Kabir Sunan al-Tirmidhi*, j. 3. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, h. 10.

³¹ Dr Syed Othman Alhabshi (1991), “Prinsip Pentadbiran dan Pengurusan” (dalam *Seminar Pentadbiran dan Pengurusan Islam Peringkat Kebangsaan* di Pusat Pendidikan Islam, ITM, Shah Alam, 10-12 September 1991), h. 211-212.

³² Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor (2006), *Op.cit.*, h. 92.

ihsan yang perlu dihayati oleh pekerja muslim agar sumber tenaga kerja yang dihasilkan adalah berkualiti. Ulama terdahulu mengaitkan hadis ini dengan Iman, Islam dan Ihsan. Ketiga-tiganya perlu digandingkan. Terdapat juga ulama terdahulu membincangkan secara khusus mengenai konsep ihsan dengan erti memperelokkan ibadah seakan-akan ia melihat Allah Azza Wa Jalla seperti yang dilakukan oleh al-Bayhaqi dengan ia membuat tajuk *Bab Tahsin al-'Abd 'Ibadah Ma'budih Hatta Ka'annahu Yarahu* yang bermaksud *Bab Memperelokkan Hamba akan Ibadah Kepada Tuhannya Seakan-akan Ia MelihatNya*³³ ketika menyatakan mengenai hadis ini. Dalam perbincangan mengenai Pengurusan Islam kini, kaitan makna hadis dengan ilmu pengurusan ialah seseorang yang bekerja dalam sesebuah organisasi perlulah menganggap yang kerjanya adalah ibadah kerana manusia merupakan sumber terpenting dalam sesebuah organisasi.

Hadis yang terakhir iaitu hadis yang kesepuluh bermaksud: “*Kewajipan seorang muslim itu mendengar dan taat dalam perkara yang dia suka atau tidak selama mana ianya tidak disuruh melakukan maksiat, maka tidak adalah kewajipan untuk didengar dan ditaati*” membicarakan mengenai sempadan ketaatan seseorang terhadap ketuanya. Selagi mana seseorang ketua tidak memerintahkan perkara yang maksiat, maka ianya wajib ditaati. Apabila ia menyuruh kepada perkara yang maksiat, maka haram untuk ditaati. Hal ini pernah disebutkan di dalam karya Sahih Muslim yang dinyatakan dengan tegas dalam satu bab iaitu *Bab Wujub Ta'ah al-Umara' Fi Ghayr Ma'siyah Wa Tahrimuha Fi al-Ma'siyah* yang bermaksud *Bab Wajib Mentaati Pemerintah Dalam Perkara Yang Tidak Maksiat, Dan Haram Mentaatinya Pada Perkara Maksiat*³⁴. Dalam ilmu Pengurusan Islam kini, ianya tidak dibuat tajuk khusus mengenai hukum haram ketaatan kepada arahan pemimpin yang menjurus ke arah kemaksiatan. Ianya hanya menyentuh tajuk-tajuk yang berkisar kepada hak-hak pemimpin yang patut dipatuhi seperti buku yang dihasilkan pada tahun 2015 yang berjudul *Kepimpinan Dan Pengurusan Islam Sejarah Teori Dan Pelaksanaan* yang membicarakan mengenai tajuk *Cabaran Melaksanakan Hak Pemimpin dan Pengikut (Mendapat kepatuhan dan taat setia)*³⁵ yang turut menyentuh mengenai batas kepatuhan orang bawahan terhadap arahan ketuanya iaitu mestilah yang tidak bertentangan dengan syarak.

Berdasarkan kepada kekerapan 10 tema hadis yang dinyatakan di atas, ianya berkisar kepada kepelbagaian topik yang menyentuh secara menyeluruh mengenai Pengurusan Islam kini iaitu yang berkaitan dengan kepimpinan, ketaatan, sempadan ketaatan, akhlak, kecekapan, kepakaran, amanah, penipuan, keadilan dan ihsan. Sekiranya dibicarakan mengenai topik Pengurusan Islam pada bila-bila pun, maka 10 kata kunci yang dinyatakan ini tidak terlepas daripada perbincangan dalam pengurusan. Boleh dikatakan bahawa kesemua perkara ini perlu dipenuhi oleh seseorang pemimpin mahupun yang dipimpin dalam sesebuah organisasi. Cuma ketua bagi sesebuah organisasi mendapat hak khas iaitu kepatuhan orang bawahan kepadanya selagi mana ia memerintah berdasarkan kepada landasan syarak. Ulama terdahulu telah lama membicarakan mengenai pengurusan sebagaimana yang dibincangkan di atas. Perbezaan antara ulama terdahulu dan sarjana Pengurusan Islam kini ialah dari sudut ruang lingkup sasaran yang dibincangkan iaitu ulama terdahulu lebih menumpu kepada pentadbiran yang

³³ Ahmad bin al-Husayn bin 'Ali bin Musa al-Khurasani Abu Bakr al-Bayhaqi (1989), *Op.cit.*, j. 1, h. 12

³⁴ Muslim bin al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qushayri al-Naysaburi (t.t.), *Op.cit.*, j. 3, h. 181.

³⁵ Razaleigh Muhamat@Kawangit (2015), *Kepimpinan Dan Pengurusan Islam Sejarah Teori Dan Pelaksanaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 72-74.

lebih luas iaitu kenegaraan dan kekhalfahan, manakala sarjana Pengurusan Islam kini lebih menumpu kepada sebuah organisasi. Oleh yang demikian, terdapat kesinambungan antara perbincangan ulama terdahulu dan sarjana kini mengenai Ilmu Pengurusan Islam.

Kesimpulan

Hadis Nabawi merupakan sumber ilmu yang menyentuh banyak perkara dalam kehidupan termasuk ilmu pengurusan. Ilmu Pengurusan Islam mengalami perkembangannya mengikut zaman dari satu generasi ke satu generasi. Pengamalan mengenai pengurusan telah berlaku pada zaman Nabi SAW sehinggalah kepada zaman selepas tabi'in. Oleh yang demikian, hadis-hadis Nabi SAW yang dikumpulkan banyak menyentuh mengenai prinsip serta praktikaliti mengenai pengurusan. Berdasarkan kepada hadis-hadis yang dikumpulkan mengenai pengurusan Islam sejak tahun 1990 sehingga tahun 2015, didapati terdapat 10 tema hadis yang seringkali digunakan dalam tempoh tersebut. Perkara yang disentuh adalah mengenai kepimpinan, ketaatan, sempadan ketaatan, kecekapan, kelayakan, amanah, ihsan dan sebagainya. Tajuk yang pernah dipilih oleh ulama hadis terdahulu, tidak jauh bezanya dengan apa yang dibincangkan oleh sarjana hadis terkemudian. Cuma topik yang dibentuk sudah tentu mengandungi perbezaan disebabkan perkara yang ditumpu adalah berlainan berdasarkan kepada skop perbahasan yang diutarakan. Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan menerusi artikel ini, didapati bahawa hadis Nabawi adalah begitu relevan diamalkan dalam bidang pengurusan pada hari ini kerana ianya mengemukakan prinsip-prinsip yang tetap serta bertahan lama. Semoga usaha pengumpulan hadis Nabawi mengenai pengurusan akan giat dilakukan seterusnya oleh para pengkaji berikutnya memudahkan orang terkemudian mendapatkan hadis-hadis pengurusan apabila mereka mahu membicarakan mengenai topik Pengurusan Islam.

Rujukan

- 'Uthman, S. (1416H). *al-Sunan al-Waridah Fi al-Fitan Wa Ghawa'ihu Wa al-Sa'ah Wa Ashratuha, Bab Ma Ja'a Fi al-Sa'ah Wa Ashratuha Wa Dala'il Iqtirabiha*, no. hadis 381, j. 4. Al-Riyad: Dar al-'Ismah.
- Ab. Mumin Ab. Ghani & Fadillah Mansor, (2006) *Dimensi Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abu Bakr 'Abd Allah, Z. (1996). *Musnad al-Humaydi, Kitab al-Buyu'*. Dimashq: Dar al-Saqa.
- Abu Bakr, A. S. (1409H). *al-Kitab al-Musannif Fi al-Ahadith Wa al-'Athar*, j. 7. Al-Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Abu al-Hasan Nur al-Din 'Ali, A. B. (t.t.). *Al-Maqсад al-'Ali Fi Zawa'id Abi Ya'la al-Musili, Kitab al-Ijarah, Bab Itqan al-'Amal*, no. hadis 692. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Dawud Sulayman, A. (t.t.). *Sunan Abi Dawud*, j. 3. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Abu Muhammad 'Abd Allah, A. (2000). *Musnad al-Darimi al-Ma'ruf bi Sunan al-Darimi*, j. 3. Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'udiyah: Dar al-Mughni Li al-Nashr Wa al-Tawzi'.
- Abu Muhammad al-Husayn, M. (1983). *Sharh al-Sunnah, Kitab al-Birr Wa al-Silah, Bab Husn al-Khalq*, j. 13, c.2. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Ahmad, H. (2003). *al-Sunan al-Kubra*, j. 8. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Nik Mohd Zain Yusof (1990). "Peranan Kepemimpinan Dan Kepengikutan Dalam Pengurusan Produktiviti Organisasi" (dalam *Seminar Pengurusan Organisasi Dari Perspektif Islam* di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 12-13 Mac 1990).
- Dr Syed Othman Alhabshi (1991). "Prinsip Pentadbiran dan Pengurusan" (dalam *Seminar Pentadbiran dan Pengurusan Islam Peringkat Kebangsaan* di Pusat Pendidikan Islam, ITM, Shah Alam, 10-12 September 1991), h. 211-212.
- Mohd Mansor Salleh (1991). "Pengurusan Kakitangan dan Strateginya dalam Perspektif Islam" (dalam *Seminar Pentadbiran dan Pengurusan Islam Peringkat Kebangsaan* di Pusat Pendidikan Islam, ITM, Shah Alam, 10-12 September 1991).
- Muhammad, I. (1998). *Al-Jami' al-Kabir Sunan al-Tirmidhi*, j. 3. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Muhammad, H. (1988). *Al-Ihsan Fi Taqrib Sahih Ibn Hibban*, j. 12. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Muhammad, I. (1422H). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min Umur Rasulillah Salla Allah 'Alayh Wa Sallam Wa Sunanihi Wa Ayyamihi, Kitab al-Ahkam, Bab Qawllillah Ta'ala*, no. hadis 7138, j. 9. (T.T.P): Dar Tuwaq al-Najah.
- Muslim, H. (t.t.). *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Bi Naql al-'Adl Ila Rasulillah Salla Allah 'Alayh Wa Sallam, Kitab al-Imarah, Bab Fadilah al-Imam al-'Adil*, no. hadis 1829, j. 3. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Razaleigh Muhamat@Kawangit (2015). *Kepimpinan Dan Pengurusan Islam Sejarah Teori Dan Pelaksanaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yahya, H. (2001). *Tartib al-Amali al-Khamisiyyah Li al-Shajari, Fi Dhikr al-Wulah Wa al-Umara' Wa al-Amr bi al-Ma'ruf Wa al-Nahy*, no. hadis 2586, j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.